

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**

**TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 49**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan: -

- a. apakah perancangan dan penyelesaian Kementerian bagi menyelesaikan masalah kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang lengkap, di mana mereka tidak dapat diterima masuk ke sekolah rendah untuk meneruskan sesi pembelajaran terutamanya di kawasan luar bandar; dan
- b. nyatakan langkah-langkah dan strategi Kementerian dalam meningkatkan kualiti dan mutu pembelajaran sekolah-sekolah di kawasan luar bandar yang serba kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur dan keadaan sekolah yang sering dilanda bencana banjir serta jumlah peruntukan tahunan yang dikhaskan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tahunan dan menaiktarafkan kemudahan infrastruktur terutamanya bagi sekolah di kawasan pedalaman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM hanya menerima kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri memasuki sekolah-sekolah kendalian KPM bukan kanak-kanak tiada warganegara atau *stateless children*. Kementerian berusaha menyelesaikan masalah kanak-kanak tanpa dokumen untuk diterima

## NO. SOALAN : 49

masuk ke sekolah rendah bagi meneruskan sesi pembelajaran. selari Sehubungan dengan itu, KPM telah mengeluarkan surat pekeliling dan surat siaran seperti berikut:

1. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 1 Tahun 2009 bertarikh 11 Mac 2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen.
2. Surat Siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2018 bertarikh 15 Januari 2018: Permohonanan Kemasukan Sekolah Murid Bukan Warganegara.

KPM bersedia menerima permohonan masuk kanak-kanak bukan warganegara daripada kategori kanak-kanak bukan warganegara yang telah diambil sebagai anak angkat oleh warganegara Malaysia atau kanak-kanak bukan warganegara hasil perkahwinan tidak mengikut undang-undang Malaysia sekiranya bapa adalah warganegara dan ibunya bukan warganegara dengan mengemukakan beberapa dokumen yang ditetapkan.

Bagi tujuan tersebut, KPM turut menetapkan bahawa keluarga, penjaga atau mana-mana badan atau pihak yang bertanggungjawab dalam penjagaan kanak-kanak bagi kedua-dua kategori kanak-kanak yang dinyatakan tadi perlulah mematuhi dua perkara berikut, iaitu:

1. Menyelesaikan semua dokumen pengenalan diri kanak-kanak tersebut dalam tempoh dua (2) tahun bermula daripada tarikh kanak-kanak mula masuk persekolahan; dan
2. Membayar fi yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sebagai langkah strategik, KPM turut menjalin kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi membantu murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan mendaftarkan kelahiran kanak-kanak tersebut. Bagi memudahkan urusan dan perancangan,

KPM turut mengumpul data murid tanpa dokumen dan perkara ini sentiasa ditambah baik dari masa ke masa.

- b. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyemak secara terperinci sekolah-sekolah yang perlu dibaik pulih dan diselenggarakan di seluruh negara. Bagi pembangunan semula sekolah daif pada tahun 2019, Kementerian telah membuat penambahbaikan melalui penggunaan skala impak, kaedah pelaksanaan yang bersesuaian serta skop pembinaan yang lebih menyeluruh.

Bagi memastikan semua sekolah daif dapat dibangunkan semula, Kementerian telah mengambil strategi untuk melaksanakan pembangunan sekolah daif secara berfasa berdasarkan skala impak yang telah dibangunkan. Keutamaan untuk pelaksanaan pembangunan semula dan naik taraf diberikan kepada sekolah yang telah mendapat pengesahan tidak selamat daripada pihak JKR dan teknikal KPM.

Kementerian juga telah menyalurkan peruntukan antara RM50,000 sehingga RM250,000 kepada setiap Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) serta sebanyak RM50,000 kepada setiap Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi menangani kerosakan di sekolah-sekolah akibat bencana dan sebagainya yang memerlukan pembaikan segera.

Sekian, terima kasih.

RJM 52